



MAJLIS PERBANDARAN KULAI
IKLAN JAWATAN KOSONG

- RUJUKAN FAIL** : **MPKu. JKP. 500 - 3/1 Jld.5**
- JAWATAN DAN SKIM PERKHIDMATAN** : **PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN**
- GRED JAWATAN** : **U41**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PERUBATAN DAN KESIHATAN**
- JADUAL GAJI** : **RM 2,429.00 - RM 9,656.00**
- SYARAT LANTIKAN** 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) i. Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred U41 : RM2,429.00); atau

- ii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH
PERCUBAAN**

3. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM
TRANSFORMASI
MINDA /
PEPERIKSAAN**

5. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN
DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- i. memenuhi tempoh percubaan;
 - ii. hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - iii. diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

TARAF JAWATAN

8. **TETAP/KONTRAK**

**TARIKH TUTUP
PERMOHONAN**

9. **19 MEI 2024**